



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sheik, Jasni jadi jurulatih?

Berita Harian, 8 October 1998, Page 17

Article also available on Microfilm Reel NL21535

Printer-Friendly Page

Sheik, Jasni jadi jurulatih?

Persiti umum pemilihan rasmi 20 Oktober

SILAT Oleh YUSOFF A. RAHMAN

SHEIK Alauddin Yacoob dan Jasni Salam telah disebut-sebut sebagai pilihan untuk dilantik menjadi jurulatih silat Singapura.

Bagaimanapun pemilihan rasmi itu akan diumumkan oleh Persekutuan Silat Singapura (Persiti) pada 20 Oktober ini.

Setiausaha Persiti, Aeji Karmak, mengesahkan bahawa pengumuman akan dibuat dalam mesyuarat Majlis Persiti pada tarikh tersebut.

Bagaimanapun, Aeji, yang juga berada dalam Panel Pemilihan seramai lima anggota, enggan mengulas tentang kedudukan dua calon pilihan itu.

Selain daripada Aeji, empat lagi yang menjadi anggota Panel Pemilihan ialah Saini Abdul Rahman, Abdul Latiff Abdul Rahman dan dan Misratin Tokiman.

"Panel telah mengadakan temu bual dengan semua enam calon secara berperingkat-peringkat dan nama dua jurulatih yang dipilih nanti akan dikemukakan kepada Majlis Persiti untuk mengu-

mumkannya," jelas Aeji.

Biasanya, nama jurulatih yang disarankan oleh Panel Pemilihan akan diterima oleh Majlis Persiti.

Selain daripada Sheik dan Jasni, empat lagi jurulatih telah bermohon untuk jawatan jurulatih selama dua tahun itu.

Mereka ialah bekas ketua jurulatih Singapura, Ramli Awi, penolong jurulatih Singapura, Mohamed Noor Hashim, bekas Setiausaha

Persisi, Jamaludin Jami, dan bekas johan nasional sebanyak empat kali, Azrin Abdul Rahim.

Menurut sumber-sumber yang rapat dengan Persisi, Sheik menjadi pilihan utama untuk jawatan itu kerana dikatakan mempunyai potensi untuk menjadi jurulatih yang berwibawa.

Selain daripada itu, Sheik juga mempunyai kelebihan dari segi pengalamannya kerana sebagai pesilat, beliau pernah menjadi johan dunia dan juga pemenang pingat emas Sukan SEA.

Sebelum ini, Singapura mempunyai khidmat tiga jurulatih dengan Ramli sebagai ketuaanya dan Jasni dan Mohamed Noor sebagai dua pembantunya.

Melalui jasa tiga jurulatih itu, empat pesilat Singapura berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir dalam Sukan SEA Jakarta.

Bagaimanapun keempat-empat mereka, Sheik, Abdul Kadir Ibrahim, Mohamed Hidayat Hosni dan Rafeah Rashid terpaksa berpuas hati dengan kalungan pingat perak saja selepas menjadi mangsa kepada pesilat-pesilat Indonesia.



SHEIK ALAUDDIN: Pernah menjadi johan dunia dan pemenang pingat emas.



JASNI SALAM: Menjadi pembantu jurulatih penggal lalu.